

# *Kiarsuii*, Spesis kucing liar dan *Scaphochlamys depressa* sepsis tumbuhan halia; Penemuan Terbaharu Di Sarawak Oleh Jabatan Hutan Sarawak

**KUCHING : 23 JUN 2014** ; Jabatan Hutan Sarawak melalui **Bahagian Pembangunan Penyelidikan dan Inovasi [RDID]** telah diamanahkan untuk mengadakan kajian jangka panjang terhadap kerja-kerja penyelidikan terutama untuk mengenalpasti dan merekodkan penemuan spesis-spesis baru flora dan fauna yang terdapat di Sarawak.

Melalui inisiatif berkenaan, baru-baru ini Jabatan Hutan Sarawak telah berjaya merekodkan penemuan terbaru spesis kucing liar dan tumbuhan halia hutan yang tumbuh subur di dalam hutan di kawasan Lundu. Kawasan penemuan sepsis ini adalah berdekatan dengan Taman Negara Gunung Gading yang terkenal dengan tumbuhan bunga terbesar di dunia iaitu Bunga Rafflesia.

Melalui pemerhatian yang merujuk kepada ekologi dan kelakuannya, spesies kucing liar yang telah ditemui oleh kumpulan penyelidik ini yang diketuai oleh Dr Ahmad Ampeng, dikenali sebagai *kiarsuii*. *Kiarsuii* telah dijumpai pada ketinggian 1,126 m (a.s.l) daripada aras laut. Berat badanya ialah 1.1 kilogram dengan panjang badan ialah 44 cm. *Kiarsuii* mempunyai kepanjangan ekor 14 cm. Atas kelainan dari susut berkenaan, *Kiarsuii* disahkan berbeza dengan spesies kucing-kucing liar lain yang pernah ditemui dan direkodkan di negeri ini oleh para penyelidik ini.

Direkodkan melalui kajian yang terdahulu yang pernah dibuat terhadap haiwan ini, dikatakan terdapat lima spesies kucing liar yang paling hampir menyamai sepsis ini dikenalpasti mendiami hutan di Sarawak. Spesis-spesis berkenaan ialah *Neofelis diardi*, *Prionailurus bengalensis borneensis*, *Prionailurus planiceps*, *Pardofelis marmorata* dan *Pardofelis badia*. Di antara lima spesies yang dinyatakan di atas, jika dilihat perbezaan dari segi morfologi, hanya *P. marmorata* dan *P. b. borneensis* paling hampir menyamai spesis *kiarsuii*. Walaupun spesies kedua-dua sepsis ini mempunyai ekor yang sama panjang tetapi struktur badannya berbeza dengan spesies *kiarsuii*.

Perbezaan lain yang ketara dan boleh diperhatikan ialah bentuk kepala, tompok dan jalur hitam pada badan dan hujung ekor. Untuk memastikan kesahihan laporan ini, para penyelidik Jabatan Hutan Sarawak bekerja keras untuk melaksanakan pelbagai kajian genetik terutama dari sudut DNA bagi mengesahkan sepenuhnya spesies ini.

Kerja-kerja penyelidikan terhadap kehidupan flora di hutan Sarawak yang telah dilaksanakan di kawasan Lundu hasil kerjasama para penyelidik daripada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dengan Jabatan Hutan Sarawak, turut menemui spesies baru daripada kumpulan halia [ginger] yang dikenali sebagai *Scaphochlamys depressa*. Tumbuhan halia ini mempunyai daun yang cantik dan ia berpotensi untuk dijadikan sebagai tumbuhan hiasan. Keunikan tumbuhan ini ialah ia hanya boleh ditemui di kawasan Lundu sahaja. Ketua penyelidik, Dr. Ahmad Ampeng memaklumkan spesies ini dimuatkan dalam jurnal **Folia Malaysiana** sebagai spesies baru dalam kumpulan halia [ginger]. Beberapa spesies lain seperti *Rhizanthus* atau Pakma bintang dan spesies *Velanofora* merupakan rekod baru yang turut ditemui di kawasan Lundu. Walaubagaimanapun kajian lanjut masih dilaksanakan terhadap sepsis-spesis ini.

Melalui kerja-kerja penyelidikan di kawasan utara Sarawak turut mencatatkan penemuan satu lagi spesies baru yang turut dikenalpasti dalam kumpulan halia [ginger]. Spesis ini dikenali sebagai *Paracostus shardiniana*. Kecantikan sepsis ini adalah seperti gambar yang dilampirkan bersama-sama kenyataan ini.



*kiarsuii* [Whole body, tailed shorter than *P. b. borneensis*, no ring at the tip]



*kiarsuii* [Head longer compared to *P. b. borneensis*]

**Photo by:** Marzuki Bujang, Forest Department Sarawak




*Kiarsuii* [back part, clearly shown the three dark stripes that totally different from the *P. b. borneensis*]

**Photo by:** Marzuki Bujang, Forest Department Sarawak



*Prionailurus bengalensis borneonsis*  
**Photo by:** Ampeng A. [This study]



*Prionailurus bengalensis borneonsis*  
**Source:** Internet/*Prionailurus bengalensis*





The elongated back spot that are obviously different compared to three dark stripes of the *kiarsuii* species

**Source:** Internet/*Prionailurus bengalensis*



*Scaphochlamys depressa*  
[New ginger species recorded from Lundu area]



Flower of the *Paracostus shardiniana*  
[New ginger species recorded from Miri area]





Tree of the *Paracostus shardiniana*



*Rhizanthese* or Pakma Bintang



*Rhizanthese* yang tumbuh berkelompok merupakan rekod baru di kawasan Lundu yang mana spesies ini sangat sukar ditemui dan hanya tumbuh secara individu [satu-satu] sahaja